

# Pameran Big Bike Tamu Gadang UMS Labuan

**SERAMAI** 80 penunggang motosikal berkuasa tinggi yang mewakili Kelab Harley Owner Group (HOG) Labuan, LA Riders dan Smart Ryders Club House telah berganding bahu menayakan Pameran Big Bike sempena program Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2016.

Kehadiran mereka mendapat perhatian bukan sahaja pelajar UMS Labuan tetapi juga pengunjung ke Tamu Gadang seawal jam 10 pagi, Ahad lalu.

Penyelaras program Sofryy Mohd Yusof mengucapkan terima kasih kepada Presiden Smart Ryders Club House Dato' Sri Haji Mohd Alias Abd Rahman dan isteri Datin Sri Norsiah Abdullah, Presiden LA Riders Dato' Paduka Mohd Rafi Ali Hassan dan Presiden Kelab Harley Owner Group (HOG) Labuan Dato' Harris Anuar Tan yang memberikan sokongan serta komitmen yang tinggi dalam menayakan pameran Big Bike itu.

Katanya rombongan Big Bike itu bukan sahaja mampu menarik kehadiran pengunjung tetapi juga mengeratkan hubungan antara tiga kelab berkenaan.

Bellau berkata menerusi program itu, orang ramai berpeluang menyaksikan pelbagai jenis motosikal berkuasa tinggi sambil berinteraksi dengan pemiliknya.  
"Ketiga-tiga



**MURNIZAM** (tigakanan)menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil Kelab LA Riders. Turut kelihatan Sofryy (kanan).

kelab motosikal berkuasa tinggi itu sentiasa berganding bahu dengan UMS Labuan menayakan program anjuran universiti termasuk mempromosikan Tamu Gadang 2016. Saya ucapkan terima kasih atas kesudian mereka bekerjasama dengan pihak UMS Labuan," katanya.

Terdahulu, Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyampaikan cenderamata dan sijil penghargaan kepada wakil ketiga-tiga kelab berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

